



05 APR, 2025

Laporan awal letupan dijangka siap dalam tempoh dua minggu

Sinar Harian, Malaysia



Laporan awal letupan dijangka siap dalam tempoh dua minggu

SUBANG JAYA - Laporan awal siasatan letupan saluran gas di Putra Heights di sini dijangka siap dalam tempoh dua minggu selepas kerja penstabilan tanah di kawasan terjejas diselesaikan.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, pasukan teknikal daripada pelbagai agensi kini giat menstabilkan struktur tanah sebelum siasatan lanjut dapat dijalankan dengan selamat.

Menurut beliau, buat masa ini kawasan letupan masih tidak stabil dan kerja-kerja siasatan penuh belum boleh dilakukan.

"Tanah di kawasan kejadian masih

lembik dan kawah letupan dipenuhi air akibat hujan. Proses untuk menstabilkan struktur tanah dan mengeringkan kawasan sedang dijalankan sebelum pasukan teknikal dibenarkan masuk," katanya ketika sidang akhbar di Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) Putra Heights di sini pada Jumaat.

Jelas beliau, hanya selepas keadaan benar-benar stabil, barulah pasukan siasatan dapat melakukan kerja ekskavasi dan mengenal pasti bukti fizikal secara langsung termasuk sisa paip, bahan pencetus atau elemen lain yang boleh mengesahkan punca sebenar letupan.

"JKR menjangkakan dua minggu untuk laporan awal, dan dua minggu lagi untuk laporan penuh," katanya.

Hussein berkata, keadaan cuaca turut memainkan peranan dalam kelancaran siasatan.

"Kawah letupan kini dipenuhi air akibat hujan. Proses pengeringan sedang dilakukan, namun hujan berterusan boleh menjejaskan kelajuan kerja teknikal," ujamnya.

Menurut Hussein, hanya selepas air dikeluarkan dan tanah distabilkan, barulah pasukan teknikal dibenarkan masuk untuk pemeriksaan dan penggalian.

Tambah beliau, siasatan teknikal di-

ketuai Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) dengan sokongan agensi lain seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Petronas, Jabatan Mineral dan Geosains, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan bomba.

"Polis pula menjalankan siasatan daripada aspek jenayah bagi mengenal pasti sebarang unsur khianat atau kecuaiian.

"Semua agensi kini memberi komitmen penuh untuk menyiapkan siasatan mengikut jadual. Sebaik laporan lengkap, ia akan dikemukakan kepada jawatan-kuasa berkaitan untuk tindakan susulan," kata beliau.